

27 DEC 2001

Misuari-Pertemuan

MISUARI BERHARAP TIDAK DIHANTAR PULANG KE FILIPINA

Oleh: Mohd Haikal Isa

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari hari ini menyuarakan harapan supaya dia tidak dihantar pulang ke Filipina.

Beliau menyatakan harapan itu kepada isterinya Siti Tarhata Ibrahim yang menemuinya selama dua jam di ibu pejabat polis Bukit Aman di sini hari ini.

"Suami saya yakin bahawa Kerajaan Malaysia tidak akan menghantarnya balik," katanya kepada Bernama di sebuah hotel di sini, selepas bertemu dengan suaminya.

Siti Tarhata berkata anak-anaknya Nur Redha, 7, Khalid, 4, dan Nur Hata, sembilan bulan turut menemui bapa mereka yang merupakan pertemuan pertama keluarga itu dengan pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro itu selama penahanannya sejak ditahan sebulan lepas.

Siti Tarhata berkata beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana membenarkan beliau dan anak-anak menemui Misuari sempena Hari Raya ini.

"Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana membenarkan kami bertemu," katanya.

"Suami saya sihat walaupun agak kurus," katanya dan menambah bahawa beberapa anggota polis berada bersama-sama semasa pertemuan itu.

"Beliau dilayani dengan baik oleh pihak berkuasa Malaysia," katanya.

Siti Tarhata berkata anak-anaknya sangat gembira menemui bapa mereka dan tidak mahu meninggalkannya.

Beliau juga berkata dia tidak tahu di mana suaminya ditahan.

Siti Tarhata berkata beliau akan terus tinggal di negara ini sehingga Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR) memutuskan permohonan Misuari untuk mendapatkan suaka politik.

Peguam Misuari, Elly Pamatong yang turut hadir pada temubual itu tetapi tidak dibenarkan berada bersama-sama pada pertemuan keluarga itu berkata tidak ada rancangan untuk menemui Misuari selepas ini.

Pamatong juga mencadangkan Kerajaan Malaysia membenarkan enam anak Misuari hasil perkahwinannya yang lain yang kini menetap di Arab Saudi melawat bapa mereka.

Misuari bersama enam penyokongnya ditahan pada 24 Nov oleh pihak berkuasa Malaysia di Pulau Jampiras, dekat Sandakan kerana memasuki negara ini secara haram.

Awal hari ini, Siti Tarhata telah meminta suaka politik daripada Persurujaya UNCHR untuk keselamatan beliau.

"Dia secara rasminya menyerahkan diri dan tiga anaknya di bawah perlindungan UNHCR," kata Pamatong dalam satu kenyataan.

Katanya Siti Tarhata yakin bahawa nyawa beliau dan anak-anaknya dalam bahaya di Filipina kerana beliau adalah isteri kepada pengerusi MNLF.

Pamatong berkata isteri Misuari meminta ditempatkan di Amerika Syarikat atau Britain dan menambah bahawa beliau juga meminta UNHCR menimbang permohonan suaminya untuk mendapatkan suaka politik.

-- BERNAMA

MHI NZ LAT